

FALSAFAH WAKAF PENDIDIKAN TINGGI ; ANALISIS EPISTEMOLOGI DAN AKSIOLOGI

Dr. Noor Hisham Md Nawi, Marwan Ismail, Dr. Mohd Kamil Ahmad
Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan
Email : hisham@umk.edu.my

ABSTRAK

Wakaf pendidikan tinggi mula mendapat perhatian serius dari pelbagai pihak lebih-lebih lagi dalam suasana ekonomi negara yang tidak serencak sebelumnya. Kemunculannya menjadi sebahagian daripada solusi alternatif khususnya dalam bidang pendidikan tinggi di Malaysia. Pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi dalam dunia pendidikan moden secara tidak cermat dikhuatiri tidak selari dengan tujuan dan falsafah wakaf pendidikan tinggi yang sebenar. Perbincangan dimulakan dengan menyingkap semula konsep wakaf dan pendidikan, asal usul dan tujuan terakhir setiapnya. Penulisan ini menggunakan kaedah penyelidikan falsafah dialektik yang mengandungi tiga proses utama iaitu analisis, sintesis dan kritis. Lima fokus utama diberikan untuk memahami falsafah wakaf pendidikan tinggi iaitu pengertian konsep wakaf pendidikan, asal usul atau sumber kewujudannya, hubungan dan perkaitan antara konsep wakaf dan gagasan pendidikan tinggi, tujuan sebenar wakaf pendidikan tinggi dan implikasi konsep wakaf pendidikan tinggi terhadap sistem pendidikan Islam. Konsep wakaf pendidikan tinggi seharusnya bersambungan dengan tujuan sebenar pendidikan menurut pandangan alam Islam sesuai dengan asal usul wakaf yang bersumberkan wahyu. Wakaf dan pendidikan tinggi mempunyai hubungan yang tersendiri berdasarkan epistemologi dan aksiologi Islam. Dengan kefahaman tersebut, gagasan wakaf pendidikan tinggi memberi impak yang signifikan kepada sistem pendidikan tinggi khususnya dalam suasana pendidikan moden hari ini.

Kata kunci : Wakaf, pendidikan tinggi, wakaf pendidikan tinggi, falsafah dan sistem pendidikan

FALSAFAH WAKAF PENDIDIKAN TINGGI : ANALISIS EPISTEMOLOGI DAN AKSIOLOGI

PENDAHULUAN

Kerajaan sedang giat mengarusperdanakan agenda wakaf pengajian tinggi dalam negara. Ia berlaku dalam suasana ekonomi negara yang tidak begitu memberangsangkan dan peningkatan kos pembiayaan operasi universiti awam (Ashraf Mohd Ramli dan Mustafa Omar 2016). Lebih-lebih lagi seluruh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menghadapi potongan peruntukan sebanyak 2.4 billion dalam bajet 2016. Mendepani isu ini, IPT diseru agar mencari dana sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan dengan mempelbagaikan sumber kewangan termasuklah dengan mewujudkan Tabung Endowmen dan Wakaf (University Transformation Programme, Purple Book 2016).

PERNYATAAN MASALAH

Wakaf telah dikenalpasti oleh pihak kerajaan antara solusi alternatif kepada permasalahan pembiayaan kos pengurusan dan operasi institusi pengajian tinggi. Minat dan perhatian tinggi yang ditunjukkan oleh banyak pihak termasuk kerajaan terhadap wakaf sangat menarik untuk diteliti. Lebih-lebih lagi agenda ini muncul dalam suasana ekonomi yang tidak menentu. Aspek yang perlu ditekuni ialah setakat mana pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi yang sedang diusahakan memenuhi objektif syariah (maqasid syar'iyah) dari konteks pendidikan dan ekonomi menurut perspektif Islam. Pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi dalam dunia pendidikan moden secara tergopoh gapah boleh mengakibatkan kesenjangan antara roh wakaf dan roh pendidikan. Aplikasi wakaf tanpa penghayatan roh dan intipatinya yang sebenar umpama preskripsi ubat yang tidak kena dengan penyakit yang dihadapi. Apakah kebijaksanaan tertinggi (hikmah) yang cuba dicapai oleh pihak pelaksana dalam agenda wakaf tersebut? Adakah dikhuatiri ketidakjelasan falsafah dan konsep wakaf pendidikan tinggi akan menyebabkan pelaksanaannya dimanipulasi oleh pihak tertentu yang boleh merosakkan maksud dan tujuannya yang asal.

KAJIAN LITERATUR

Falsafah ; Analisis Epistemologi Dan Aksiologi

Pengertian falsafah boleh disorot dari pelbagai perspektif. Setiap tokoh melihat pengertian falsafah dari kaca mata yang berbeza-beza. Dari sudut bahasa, istilah falsafah berasal dari perkataan Yunani kuno iaitu philo (cinta) dan sophos (kebenaran). Kombinasi dua unsur tersebut mendorong seseorang atau ahli falsafah untuk memburu hakikat sesuatu, meneliti hubungan sebab dan akibat serta menafsirkan pengalaman manusia secara mendalam (Noor Hisham dan Nurul Hudani 2016). Dari sudut istilahnya pula, falsafah bermaksud sesuatu ilmu yang mendasar kepada makna sebenar sesuatu perkara sehingga jelas akan makna serta tujuannya. Fokus falsafah adalah mengenai ketuhanan, alam semester dan diri manusia. Falsafah tidak sama dengan ilmu dan falsafah mempunyai cara kaedah penyelidikannya yang tersendiri.

Dalam disiplin falsafah, epistemologi dan aksiologi adalah dua komponen yang penting. Epistemologi adalah salah satu daripada cabang falsafah yang membincangkan tentang hakikat ilmu, sumber ilmu, ilmu sebagai proses, metode dan kesahihan ilmu. Epistemologi secara etimologi bermaksud teori pengetahuan yang benar. Secara istilah, epistemologi adalah pengetahuan sistematik mengenai pengetahuan. Pertanyaan asas dalam epistemologi ialah ‘apakah yang dapat saya ketahui?’ Dengan makna sebagai teori pengetahuan, epistemologi secara asasnya membahaskan tiga persoalan fundamental iaitu sumber pengetahuan, sifat pengetahuan dan kesahan (kebenaran) sesuatu pengetahuan Arifin (2003). Dalam konteks wakaf pendidikan tinggi, epistemologi akan membahaskan apakah hakikat makna wakaf dan maksud pendidikan dan dari mana datangnya atau asal usul konsep wakaf dan pendidikan serta gabungan antaranya?

Aksiologi pula adalah suatu aspek falsafah yang membincangkan mengenai teori nilai. Teori nilai mengkaji tentang nilai sesuatu sama ada bernilai atau tidak bernilai, penting atau tidak penting, baik atau buruk. Menurut Suriasumantri (2000), aksiologi adalah teori nilai yang berkaitan dengan kegunaan dari pengetahuan yang diperoleh. Aksiologi juga boleh difahami sebagai ilmu yang mempelajari hakikat dan manfaat yang sebenarnya dari sesuatu ilmu pengetahuan. Kebanyakan perbincangan aksiologi akan menumpukan kepada permasalahan etika (baik-buruk) dan estetika (keindahan) serta memberi panduan mengenai kaedah-kaedah yang seharusnya diperhatikan dalam menerapkan ilmu ke dalam amalan. Dalam konteks penulisan, pertanyaan aksiologi akan membahaskan mengenai tujuan dan nilai tertinggi dalam gagasan wakaf dan pendidikan serta gabungan antara keduanya?

Pengertian Dan Konsep Wakaf

Wakaf berasal dari perkataan Bahasa Arab yang membawa maksud ‘menahan’. Dari sudut istilah, umumnya mazhab-mazhab fiqh mempunyai pelbagai definisi yang secara keseluruhannya menggambarkan pandangan yang berbeza tentang wakaf. Abdul Hamid dan Muhammad Tahir (2014) merumuskan makna wakaf sebagai sadaqah jariah dari sesuatu aset yang seseorang itu miliki secara sah yang dilepaskan selama-lamanya atau secara sementara yang dengan itu menyebabkan haknya ke atas aset tadi “terhenti” atau “tertahan”, untuk manfaat masyarakat semata-mata kerana Allah s.w.t. Untuk memahami konsep wakaf dengan tepat, kepelbagaian faham antara para fuqaha perlu diteliti dengan baik.

Di dalam mazhab Hanafi terdapat dua aliran yang berbeza dalam mendefinisikan wakaf. Pendapat yang menjadi pegangan dalam Mazhab Hanafi adalah pandangan oleh dua sahabat Abu Hanifah iaitu Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan al-Shaybani yang mentakrifkan wakaf sebagai menahan ‘ain (yang diwakafkan) dari sebarang pemilikan dan manfaat ‘ain tersebut dibelanjakan kepada golongan benefisiari wakaf. Wakaf tersebut melibatkan pengguguran hak milik. Oleh itu, ‘ain wakaf tidak lagi dimiliki oleh pewakaf dan menjadi milik Allah serta wakaf menjadi lazim (mengikat). Justeru itu, ‘ain wakaf tidak lagi boleh dihibahkan, dijual, diwarisi atau dipindah milik.

Wakaf di sisi fuqaha Maliki pula ditakrifkan sesuai dengan pandangan mazhab ini yang meraikan hak pewakaf untuk menentukan tempoh bagi wakaf

yang dilakukan. Ibn ‘Arfaah misalnya mentakrifkan wakaf sebagai pemberian manfaat sesuatu harta selama tempoh kewujudannya, di mana harta tersebut kekal menjadi milik pewakaf walaupun secara maknawi. Ini bermaksud pemilik harta menahan hartanya (yang diwakafkan) daripada sebarang tasarruf pemindahan hak milik, dan pada masa yang sama bertabarru’ dengan hasil atau manfaat harta tersebut untuk tujuan kebajikan. Ini bermakna wakaf di sisi fuqaha Maliki tidak menggugurkan hak milik pewakaf ke atas ‘ain wakaf, ia hanya menggugurkan haknya untuk bertasarruf ke atas ‘ain tersebut.

Takrif wakaf dalam mazhab Shafie pula dilihat memberi penekanan mengenai syarat penting wakaf iaitu sesuatu wakaf hendaklah berterusan dan kekal, dan harta wakaf tidak lagi dianggap sebagai hak milik pewakaf. Al-Sharbini (1967) misalnya mentakrifkan wakaf sebagai menahan suatu harta yang boleh dimanfaatkan dengan mengekalkan ‘ainnya, dengan cara menyekat sebarang tasarruf ke atas fizikal harta tersebut, untuk dimanfaatkan ke atas tujuan yang dibenarkan oleh syarak. Di dalam mazhab Hanbali pula, takrif wakaf dilihat tidak jauh berbeza dengan takrif yang dibawa oleh fuqaha Shafie. Ia ditakrifkan sebagai penahanan suatu harta yang boleh dimanfaatkan dan kekal ‘ainnya, yang dilakukan oleh seorang pemilik yang layak mengendalikan hartanya, dengan menggugurkan haknya dan menyekat orang lain dari bertasarruf ke atas fizikal harta tersebut. Kemudian, manfaatnya dibelanjakan untuk tujuan kebajikan dan sebagai mendekatkan diri kepada Allah.

Jika diperhatikan, takrif yang dikemukakan oleh fuqaha Shafie, Hanbali, serta Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan dari mazhab Hanafi pada dasarnya berkongsi intipati yang sama. Wakaf difahami sebagai suatu bentuk muamalat yang melibatkan penahanan suatu harta yang boleh dimanfaatkan dengan mengekalkan ‘ainnya untuk digunakan pada sebarang tujuan yang diharuskan atau hasilnya dibelanjakan untuk tujuan kebaikan sebagai mendekatkan diri kepada Allah. Ini dilakukan dengan menyekat hak pewakaf atau individu lain dari bertasarruf ke atas fizikal harta yang telah diwakafkan. Harta tersebut tidak lagi menjadi hak milik pewakaf dan menjadi milik Allah. Pendapat ini merupakan pendapat jumhur mengenai wakaf.

Pada hari ini, ‘ain wakaf diperluaskan lagi kepada wang tunai dan perkhidmatan. Hamid (2016) telah membahagikan objek wakaf kepada empat kategori, iaitu benda-benda lekap mati (tanah, bangunan, loji); benda-benda mudah alih (kereta, pakaian, perabot); wang tunai; dan objek abstrak seperti khidmat buruh, runding cara, masa, dan seumpamanya. Kategori yang terakhir ini adalah bersandarkan nas al-Qur’an (Aali ‘Imran: 35) di mana isteri ‘Imran (bapa Maryam) bernazar untuk mewakafkan anak yang bakal lahir di jalan ketaatan kepada Allah dan ini diertikan secara umum sebagai “wakaf khidmat”. Sehingga kini, sudah wujud pelbagai konsep wakaf seperti wakaf matawang (tunai, saham, bon), wakaf korporat, dan keusahawanan wakaf. Garis dasar konsep wakaf ialah konsep tawhid, taqwa dan ketaatan yang menghasilkan natijah dalam bentuk amalan sadaqah.

Asal Usul Pensyariatan Wakaf

Syariat wakaf adalah antara keistimewaan Islam dan bukti keprihatinannya dalam menjaga serta memupuk kerjasama dan solidariti antara anggota

masyarakat. Di dalam syariat Islam terdapat pelbagai dalil yang menggalakkan umat Islam untuk membelanjakan harta pada jalan Allah dan berbuat kebajikan bagi membantu golongan yang memerlukan. Tidak didapati dalil khusus di dalam al-Quran yang menyebut tentang wakaf, namun pensyariatannya dapat difahami dari sejumlah firman Allah di dalam ayat-ayat yang berbeza yang menyeru berbuat kebaikan dan ihsan, misalnya Allah berfirman yang bermaksud : “Maka berlumba-lumbalah kamu (dalam berbuat) kebaikan” (al-Baqarah:148). Pensyariatan amalan wakaf secara spesifik difahami dari Sunnah Rasulullah s.a.w dan ijmak. Terdapat beberapa dalil yang dikemukakan oleh fuqaha yang menunjukkan pensyariatan wakaf datang daripada Sunnah dan ijmak. Pensyariatan wakaf difahami dari hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud : “Apabila meninggal seseorang insan, maka terputus darinya amalannya kecuali dari tiga perkara: sedekah jariah, atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya, atau anak soleh yang selalu mendoakan untuknya” (Hadis riwayat Muslim). Ulama-ulama menyebut bahawa yang dimaksudkan dengan sedekah jariah ialah wakaf (al-Nawawi 1930).

Terdapat hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Umar r.a mengenai wakaf yang dilakukan oleh bapanya Umar al-Khattab di mana hadith ini dianggap sebagai usul atau dalil utama yang menunjukkan pensyariatan wakaf. Beliau menyebut dengan maksud :“Sesungguhnya Umar al-Khattab r.a telah mendapat sebidang tanah di Khaybar, lalu beliau datang kepada Nabi s.a.w memintanya agar mengarahkan/menunjukkan beliau apa yang perlu dilakukan ke atas tanah tersebut. Umar berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku telah mendapat sebidang tanah di Khaybar, belum pernah aku memperoleh suatu harta yang lebih bernilai bagi aku dari tanah ini. Apa yang kamu mahu aku lakukan dengannya? Jawab Rasulullah s.a.w: Jika kamu mahu, kamu tahanlah usulnya (tanah tersebut) dan dengannya (iaitu manfaat dan hasilnya) kamu sedekahkan. Berkata Ibn Umar: Maka Umar telah bersedekah dengan tanah tersebut dengan menetapkan bahawa ia tidak boleh dijual, tidak dihibahkan, dan tidak diwarisi (oleh sesiapa), dan hasil tanah tersebut disedekahkan kepada fakir-fakir miskin, kaum kerabat, untuk tujuan pembebasan hamba, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah, orang yang terkandas, dan tetamu (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Amalan berwakaf merupakan ijmak yang disepakati oleh semua sahabat Rasulullah s.a.w. Berkenaan hal ini, Jabir r.a berkata: “Aku tidak tahu seorang pun dari kalangan Muhajirin dan juga Ansar yang memiliki sesuatu harta melainkan dia telah menahan/mewakaf sesuatu dari hartanya sebagai sedekah yang kekal, tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan, dan tidak diwarisi”. Ibn Qudamah (1999) menyebut bahawa amalan berwakaf merupakan suatu yang diijmakkan oleh para sahabat r.a. Sesiapa sahaja dari kalangan mereka yang mampu berwakaf akan melaksanakannya dan perbuatan tersebut diketahui oleh semua sahabat yang lain, namun tiada seorang pun antara mereka yang membantahnya. Justeru, wakaf merupakan perkara yang menjadi keistimewaan agama Islam dan umatnya. Daripada dalil-dalil yang dibentangkan, dirumuskan bahawa hanya sebahagian kecil sahaja hukum-hakam wakaf yang hadir melalui Sunnah Nabawiyyah atau pun ijmak. Justeru, tidak hairanlah sebahagian besar hukum wakaf pada dasarnya lahir dari ijihad para fuqaha berpandukan dalil-dalil istihsan, istislah, ‘urf dan lain-lain. Perkara ini secara tidak langsung membawa kepada pemahaman yang berbeza antara mazhab, malah antara fuqaha dalam

satu mazhab sebagaimana yang telah dapat diperhatikan dalam perbincangan mengenai takrif wakaf sebelum ini.

Tujuan Wakaf

Hukum asal bagi wakaf menurut sebahagian besar fuqaha ialah satu amalan yang disunatkan dan digalakkan untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Namun dalam keadaan-keadaan yang tertentu, hukum wakaf boleh berubah kepada hukum yang lain seperti wajib apabila ia menjadi nazar atau boleh menjadi haram jika seseorang mewakafkan hartanya untuk tujuan maksiat seperti wakaf untuk penyembahan berhala. Tujuan asal pihak yang berwakaf adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mendapat ganjaran pahala yang berterusan. Meskipun begitu, peranan dan fungsi wakaf sangat luas mencakupi aspek pendidikan, kerohanian, perekonomian dan kebajikan (aktiviti sosial). Walau bagaimanapun, kesemua aspek tersebut saling berhubungan antara sama dengan yang lain dalam memberikan impak yang positif terhadap pembangunan masyarakat Islam setempat.

Pengertian Dan Konsep Pendidikan

Hampir semua orang menghargai pendidikan walaupun mereka tidak berpendidikan atau tidak begitu memahami maknanya dengan tepat. Umumnya, pendidikan sering dikaitkan dengan sekolah atau persekolahan rasmi. Dari sudut tatabahasa Melayu, pendidikan berasal dari kata nama terbitan yang berakar daripada kata dasar 'didik' yang bererti bimbing, tuntun, ajar dan pelihara. Dalam bahasa Arab, terdapat beberapa istilah yang sering digunakan untuk membawa maksud pendidikan iaitu al-tarbiyyah, al-ta'lim, al-ta'dib, al-tadris dan al-tahzib. Setiapnya membawa maksud yang tersendiri dan bertindan-tindih pengertiannya. Dari segi istilah, setiap pemikir mempunyai pandangan yang berbeza-beza. Antara tokoh pemikir lampau yang membincangkan tentang pendidikan ialah Confucius (551 – 478 SM), Mencius (371 – 289 SM), Socrates (469 – 399 SM), Plato (427 – 346 SM), dan lain-lain. Antara tokoh-tokoh besar yang mewarnai perkembangan pendidikan dunia moden umumnya dan Nusantara khususnya ialah Ibnu Sina (980), Al-Ghazali (1058), Al-Zarnuji (1195), Ibnu Khaldun (1332), John Locke (1632 – 1704), Dewey (1859 – 1952), dan Piaget (1896 – 1980). Dari sejumlah pengertian pendidikan menurut sarjana Barat, konsep pendidikan Barat boleh diklasifikasikan berdasarkan kepada aliran pemikiran tertentu seperti aliran idealisme, realisme, pragmatisme dan eksistensialisme yang kesemuanya memisahkan antara ilmu dan agama (Noor Hisham Md Nawi 2011)

Dari perspektif Islam, tokoh-tokoh sarjana Islam telah mengemukakan pelbagai definisi dan konsep pendidikan yang sebahagian besarnya saling bertindan-tindih dengan fokus yang pelbagai. Dikemukakan pengertian pendidikan menurut Seminar Pendidikan Islam Sedunia (1980) :

Education aims at the balanced growth of total personality of man through the training of man's spirit, intellect, the rational self, feeling and bodily sense. Education should therefore, cater for the growth of man in all its aspects spiritual, intellectual, imaginative, physical scientively, and motivate all these aspects toward goodness and attainment of perfection ...

Dari sisi yang lain, perbahasan konsep pendidikan dalam kalangan sarjana Muslim banyak tertumpu kepada proses menentukan istilah yang paling tepat untuk menggambarkan makna pendidikan dalam Islam. Sebahagian sarjana memilih istilah-istilah tertentu seperti al-tarbiyah, al-ta'dib dan al-ta'lim. Persidangan Pendidikan Islam Antarabangsa Kali Pertama di Jeddah 1977 telah merumuskan makna pendidikan dalam tasawwur Islam adalah keseluruhan pengertian yang terkandung di dalam istilah ta'lim, tarbiyyah dan ta'dib. Sebagai rumusan, definisi pendidikan dari perspektif tokoh-tokoh sarjana muslim mengaitkan pendidikan dengan beberapa konsep utama seperti konsep insan fitrah, pengembangan potensi dan pembangunan peribadi, kebahagiaan dunia dan akhirat, hierarki ilmu, nilai dan akhlak Islam, latihan kejiwaan dan pembentukan sikap, matlamat dan proses, serta kandungan dan sumber ilmu.

Falsafah Pendidikan Dan Sumber Pembentukannya

Menentukan suatu falsafah pendidikan dalam sesebuah negara adalah satu usaha yang sangat penting. Pendidikan tidak akan dapat dijalankan dengan baik jika tidak disandarkan kepada satu falsafah yang kukuh dan mantap. Falsafah merupakan komponen yang paling utama dan tertinggi dalam pendidikan kerana ia mewarnai segala tindakan dan halatuju pendidikan (al-Syaibani 1991). Bentuk manusia yang ingin dilahirkan adalah bergantung kepada falsafah yang disalurkan melalui pendidikan. Pendekatan dan kaedah sesuatu pengajaran dan pembelajaran juga secara tersirat ditentukan oleh fahaman pendidikan dan falsafah guru yang mengajar.

Setiap negara mempunyai dasar dan falsafah pendidikan masing-masing samada dinyatakan secara tersurat atau tersirat. Malaysia mempunyai falsafah pendidikannya yang tersendiri yang dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang digubal pada tahun 1988 dan diubah kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) pada tahun 1996. Terdapat tiga dasar yang membentuk FPK iaitu Rukunegara, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. FPK menjurus ke arah mencirikan insan dan warganegara yang baik dengan mengemukakan ciri-ciri seperti percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berbakti dan memberi sumbangan kepada diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara serta memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu. FPK yang disuratkan pada tahun 1987 berbunyi:

"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan kearah perkembangan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara".

Kemudian, ia diikuti pula dengan penggubalan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Pernyataan Falsafah Pendidikan Islam adalah sebagaimana berikut :

"Suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup

sebagai hamba Allah swt yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat " .

Penggubalan FPK dan FPI adalah satu langkah yang besar dalam sejarah Pendidikan Negara. Dalam konteks pendidikan tinggi, peranan FPK tidaklah begitu jelas berbanding dengan pendidikan peringkat rendah dan menengah. Pendidikan tinggi bersifat pengkhususan dan institusi pendidikan tinggi (IPT) mempunyai autonomi (dalam batas tertentu) dalam menentukan halatuju dan perkembangan pendidikannya. Setiap IPT mempunyai falsafah, visi dan misi serta hala tuju yang tersendiri. Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia 2005 menegaskan keperluan transformasi pengajian tinggi untuk mencapai keseimbangan pembangunan individu, keperluan industri dan cabaran masa hadapan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2005). Jawatankuasa berkenaan cuba untuk menyepadukan dua aliran pemikiran yang saling bertentangan mengenai matlamat pendidikan tinggi. Aliran pemikiran pertama berpandangan bahawa pendidikan tinggi berusaha memenuhi objektif utilitarian iaitu mempersiapkan teknokrat, birokrat, saintis, ahli ekonomi dan ahli profesional yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi, perindustrian dan perdagangan negara. Manakala aliran pemikiran kedua berpandangan bahawa pendidikan tinggi bermatlamatkan pembangunan manusia yang seimbang, berterusan meneroka perkembangan ilmu, sarat dengan nilai-nilai murni dan mendukung integrasi nasional. Jawatankuasa berpendapat bahawa kedua-kedua aliran pemikiran adalah relevan dan penting dan perlu disepadukan dalam gerakan meningkatkan kualiti pendidikan tinggi negara. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, lonjakan pertama dari 10 lonjakan yang telah digariskan adalah melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang bagi mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi.

Tujuan Tertinggi Pendidikan

Meneliti semula konsep pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Islam sebelumnya, apakah tujuan tertinggi atau terakhir dari proses pendidikan? Menurut al-Attas (1979), untuk mendapatkan tujuan terakhir pendidikan yang sah, ahli pendidikan perlu memahami dengan jelas tentang tiga perkara berikut; ilmu, insan dan proses pendidikan. Menurut Wan Mohd Nor (1998) terdapat dua pandangan teoretis tentang tujuan pendidikan iaitu berorientasikan kemasyarakatan seperti menyalurkan budaya, nilai dan warisan sesuatu masyarakat dan berorientasikan individu seperti mengembangkan potensi individu dan minat pelajar. Menurutnya lagi, kebanyakan sistem pendidikan moden hari ini adalah berorientasikan kemasyarakatan. Adalah menjadi kebiasaan bagi setiap negara dari pelbagai latarbelakang dan ideologi politik untuk menetapkan matlamat terakhir pendidikan adalah untuk melahirkan warganegara yang baik dan taat setia kepada negara. Ini dapat difahami bahawa keutamaan dunia Islam pada hari ini adalah untuk menjadikan tujuan pendidikan sebagai pemangkin kepada kemajuan negara. Bagaimanapun al-Attas (1999) menolak dengan tegas pandangan tersebut dan menyatakan bahawa tujuan pendidikan menurut Islam adalah untuk menghasilkan insan yang baik;

bukannya warganegara atau pekerja yang baik. Al-Attas (1979) berpendapat bahawa warganegara yang baik dalam negara sekular tidak sama dengan insan yang baik. Namun insan yang baik sudah semestinya akan menjadi warganegara yang baik. Warganegara yang baik umumnya berpegang teguh kepada nilai dan gagasan yang berpengaruh di dalam negaranya seperti yang termaktub dalam perlembagaan atau undang-undang atau peraturan kemasyarakatan. Nilai dan gagasan ini pula akan berubah mengikut kepentingan individu atau kumpulan yang berpengaruh. Oleh itu warganegara yang baik pada sesebuah negara tidak semestinya seorang warganegara yang baik di sesebuah negara yang lain.

Al-Faruqi (1989) juga sependapat dengan al-Attas bahawa sistem pendidikan Islam tidak seharusnya berkhidmat untuk keperluan pragmatik dan ekonomi negara. Baginya, tujuan sistem pendidikan Islam adalah untuk menyampaikan visi dan misi Islam. Visi dan misi tersebut perlu dilihat secara berhubungungan dengan kerangka prinsip *tauhid* dengan meletakkan Allah sebagai puncak yang terakhir. Untuk mencapai matlamat tersebut, umat Islam tiada pilihan lain kecuali mengerakkannya dalam bentuk gabungan yang membina kekuatan ummah. Berdasarkan prinsip tersebut, pendekatan dan strategi pendidikan menurut al-Faruqi seharusnya berorientasikan pembangunan ummah atau kesatuan individu. Visi ini menghendaki suatu pendekatan dan penyusunan semula seluruh bidang ilmu pengetahuan manusia dengan kriteria dan pengelasan baru berdasarkan tasawwur Islam. Untuk melaksana rancangan tersebut, al-Faruqi (1988) telah mencadangkan supaya sistem wakaf digunakan semula untuk menjadikan institusi pendidikan bersifat autonomi, jauh dari pengaruh politik dan membolehkan para guru dan pelajarnya mencari ilmu bagi mendapatkan keredhaan Allah semata-mata. Justeru, perbezaan utama antara pendidikan Islam dan Barat ialah tujuan pendidikan Islam berpaksikan manusia manakala tujuan pendidikan Barat pula berpaksikan negara.

4.0 METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan metode penyelidikan falsafah. Dalam konteks penulisan, metode penyelidikan falsafah adalah suatu cara yang dilalui dalam satu proses tindakan yang dilakukan secara terancang dan sistematik untuk menyelesaikan permasalahan mengenai kefalsafahan. Metodologi penyelidikan falsafah mempunyai ciri dan unsur-unsurnya yang tersendiri. Menurut Bakker dan Zubair (1994), unsur metodologi penyelidikan falsafah adalah interpretasi, induksi dan deduksi, koheren dalaman, holistik, kesinambungan sejarah, idealisasi, perbandingan, analogikal dan deskripsi. Penyelidikan falsafah menggunakan pelbagai metode dalam menyelesaikan permasalahan yang bersifat kefalsafahan seperti metode induksi-deduksi, analisis-sintesis, dialektik, kritis, historik, organik dan analitikal bahasa.

Penulisan ini menggunakan metode dialektik. Metode ini sering digunakan oleh Socrates untuk memahami sesuatu perkara secara mendalam dalam mencari kebenaran. Menurut Phonix dalam Short (1991), asas kepada proses kaedah dialektik ialah analisis, sintesis dan kritis. Tiga proses tersebut atau gabungan di antara ketiga-tiganya menjadi intipati kepada penyelidikan bercirikan falsafah. Dalam kaedah dialektik, proses yang berlaku adalah mengemukakan soalan, memberikan jawapan dan mengemukakan soalan yang baru. Proses yang berterusan inilah yang memberi ciri kepada kajian dalam

bidang falsafah. Ini bermakna bahawa satu jawapan yang mutlak tidak mungkin akan ditemui. Bagaimanapun dalam Islam, falsafah dan matlamat yang diambil dari Al-Qur'an dan Sunnah adalah kebenaran dan realiti tertinggi yang tidak boleh dipertikaikan. Dalam metode dialektik, analisis bermaksud proses memecah atau membahagikan sesuatu yang kompleks kepada bahagian-bahagian yang kecil. Sintesis pula bermakna mengatur bahagian-bahagian yang kecil itu dan menghasilkan sesuatu idea yang baru. Manakala kritis bermaksud menilai alasan atau hujah yang telah diberikan terhadap sesuatu idea, mengenalpasti pola perbincangan, memperbaiki dan seterusnya mencadangkan sesuatu yang baru kepada idea tersebut.

Untuk memandu penulisan ini, tiga proses utama (analisis, sintesis dan kritis) akan melalui susunan soalan sebagaimana berikut :

- a) Apakah maksud dan pengertian wakaf pendidikan tinggi?
- b) Apakah asal usul dan sumber kewujudan wakaf pendidikan tinggi?
- c) Apakah hubungan dan perkaitan antara konsep wakaf dan pendidikan tinggi?
- d) Apakah tujuan sebenar wakaf pendidikan tinggi?
- e) Apakah implikasi konsep wakaf pendidikan tinggi terhadap sistem pendidikan Islam?

PERBINCANGAN

Konsep Wakaf Pendidikan Tinggi

Wakaf pendidikan boleh didefinisikan sebagai sesuatu harta, barangan, aset atau tunai atau perkhidmatan yang diberikan kepada sektor pendidikan sama ada secara berterusan atau tidak untuk kepentingan dan manfaat awam bagi mencapai tujuan pendidikan yang menepati pandangan alam Islam. Ia adalah suatu bentuk muamalat yang melibatkan penahanan suatu harta yang boleh dimanfaatkan dengan mengekalkan 'ainnya untuk digunakan bagi tujuan pendidikan semata-mata untuk mendekatkan diri kepada Allah. Oleh yang demikian, harta tersebut tidak lagi menjadi hak milik pewakaf dan bertukar status menjadi milik Allah. Wakaf yang diterima oleh sesebuah institusi pendidikan boleh digunakan untuk apa sahaja aktiviti pendidikan (seperti urus tadbir, kos operasi, pembiayaan pelajar, pembinaan bangunan, pembangunan modal insan dan lain-lain) yang bersambungan dengan tujuan pendidikan yang sah mengikut Islam agar semua kegiatan yang dilaksanakan seiring dengan tujuan asal perwakafan iaitu mendekatkan diri kepada Allah.

Wakaf pendidikan tinggi seharusnya bersambungan dengan tujuan dan matlamat sistem pendidikan Islam untuk merealisasikan kesejahteraan ummah dengan menghasilkan insan berkualiti yang dapat memberi sumbangan kepada negara (Mohd Afandi et.al 2016). Walau bagaimanapun tujuan sistem pendidikan Islam bukan hanya terhad kepada penghasilan warganegara yang baik untuk kemajuan fizikal negara bahkan yang lebih utama ialah usaha melahirkan insan baik dan amanah yang mempunyai keupayaan untuk memajukan negara dan memakmurkan alam menurut kerangka prinsip tauhid. Justeru, wakaf pendidikan tinggi seharusnya dimanfaatkan selaras dengan visi dan misi sistem pendidikan Islam. Lebih-lebih lagi tahap pendidikan tinggi tidak lagi bersifat wajib kepada setiap individu bahkan untuk individu yang layak dan terpilih bagi memenuhi tuntutan fardhu kifayah yang berasaskan kepada keperluan umat Islam.

Asal Usul Dan Sumber Pembentukan Wakaf Pendidikan Tinggi

Oleh kerana wakaf adalah syariat yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan dipersetujui secara ijmak, maka wakaf pendidikan tinggi juga adalah sambungan daripada konsep pensyarian tersebut. Justeru, wakaf adalah suatu bentuk muamalat dan ibadah yang diperakukan Islam. Walau bagaimanapun, sebahagian besar hukum wakaf pada dasarnya lahir dari ijtihad para fuqaha berpandukan dalil-dalil istisnā, istislah, ‘urf dan lain-lain. Oleh itu, adalah tidak menghairankan jika terdapat pemahaman yang berbeza antara mazhab dan fuqaha mengenai hukum-hukum wakaf. Dengan ini ditegaskan bahawa wakaf adalah tidak sekali-kali sama seperti endowment yang diamalkan oleh institusi pendidikan tinggi di Barat. Pada wakaf, ada roh syariat yang perlu dipatuhi dan dihormati segala rukun dan syaratnya.

Bidang pendidikan adalah antara bidang yang terawal yang mendapat manfaat dari sistem wakaf. Dalam tradisi sejarah Islam, wakaf dan pendidikan umat Islam mempunyai hubungan yang sangat erat. Sejarah telah merakamkan kepentingan wakaf pendidikan tinggi bagi pembangunan sumber manusia yang berkualiti. Contoh klasikal kejayaan wakaf pendidikan tinggi ialah Universiti al-Azhar yang dibina pada tahun 975 M. Selama lebih 800 tahun Universiti al-Azhar dibiayai melalui dana wakaf. Dalam konteks Malaysia, amalan wakaf dalam pendidikan telah pun bermula sejak kedatangan agama Islam di Kepulauan Tanah Melayu lagi (Latiff Azha et al, 2013). Institusi pondok merupakan satu contoh amalan wakaf yang terawal di negara ini yang mana kebanyakannya dipelopori oleh alim ulama pada zaman itu. Antara madrasah dan pondok yang didirikan di atas tanah wakaf dan mendapat pembiayaan melalui hasil wakaf ialah Madrasah Hamidiah (kini dikenali sebagai Maahad Mahmud) di Kedah, Madrasah Sultan Zainal Abidin (kini UNISZA) di Terengganu dan Kolej Islam Malaya (kini Kolej Islam) di Selangor.

Dengan ini dapat dirumuskan bahawa asal usul wakaf pendidikan tinggi adalah bersumberkan bimbingan wahyu, ijtihad para ulama, olahan pemikiran manusia, pengalaman sejarah yang panjang, perkembangan zaman dan tuntutan realiti semasa. Justeru, wakaf pendidikan tinggi tidak sama dengan konsep ‘endowment’ yang diaplikasikan oleh masyarakat Barat di Universiti Harvard, Oxford, Cambridge, Yale dan Stanford dari segi epistemologi dan aksiologinya.

Hubungan Antara Wakaf Dan Pendidikan Tinggi

Wakaf dan pendidikan tinggi mempunyai hubungan yang sangat erat dan saling mempengaruhi. Hubungan antara keduanya boleh dilihat dari beberapa aspek seperti destinasi tujuan, proses dan kesan jangka panjang yang membolehkan keduanya membentuk satu makna baharu dan mencetuskan fenomena hebat kepada masyarakat dan negara.

Wakaf adalah salah satu elemen dalam aspek *muamalat* dalam komponen syariah yang melibatkan aspek maaliyah (hartabenda) yang berorientasikan kebajikan dan kemasyarakatan. Manakala pendidikan adalah salah satu cabang utama dalam aspek *muamalat* dalam komponen syariat yang berorientasikan kemasyarakatan secara langsung. Kedua-duanya mempunyai hubungan erat dalam konteks destinasi tujuan bagi setiapnya adalah memperkasakan

masyarakat dan ummah. Wakaf dilaksanakan dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah melalui amalan sedekah jariah yang memberi manfaat kepada penerimanya secara berterusan. Pemilikan hak ditahan tetapi manfaat harta terus dialirkan kepada masyarakat. Semuanya dilakukan semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah. Tujuan terakhir pendidikan pula adalah untuk melahirkan insan yang baik, berilmu, beriman, bertaqwa, berkemahiran dan berupaya memberi sumbangan kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Destinasi tujuan bagi kedua-duanya adalah bermuarakan kebajikan dan pembangunan ummah demi mendapatkan keredhaan Allah. Justeru, adalah pelik dan janggal jika tujuan wakaf pendidikan yang diusahakan tidak bersambungan dengan tujuan asal pendidikan Islam iaitu melahirkan manusia yang baik menurut perspektif al-Quran dan Sunnah.

Di samping itu, proses wakaf juga mempunyai hubungan langsung dengan proses pendidikan. Pelaksanaan wakaf memerlukan pihak yang terlibat mematuhi kesemua rukun dan syarat-syaratnya seperti pewakaf adalah seorang yang mukallaf, pemilikan harta yang sah, keberkekalan ain wakaf dan lain-lain. Demikian juga sistem pendidikan Islam yang memerlukan semua pihak yang terlibat mematuhi kesemua perkara-perkara fundamental mengikut acuan Islam seperti falsafah dan kurikulum, hierarki dan klasifikasi ilmu, pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan pentaksiran, pengurusan dan pentadbiran, latihan dan pembangunan insan. Sekiranya proses yang sepatutnya tidak berjalan dengan baik, maka konsep wakaf tidak akan bersambungan dengan agenda pendidikan dan tidak akan menghasilkan natijah sebenar yang dikehendaki iaitu mencapai keredhaan Allah. Justeru, proses setiapnya perlu dijaga agar intipati sebenar dari pelaksanaannya akan dapat diperolehi. Amat paradoks jika harta wakaf yang diperolehi secara tidak sah digunakan untuk membiayai pengurusan institusi pendidikan tinggi atau dewan wakaf digunakan oleh pelajar dalam jurusan ekonomi yang mengiktiraf konsep riba.

Konsep wakaf adalah suatu bentuk muamalat yang istimewa kerana kebajikan yang dihasilkannya bersifat berterusan. Ganjaran kepada pewakaf tetap berterusan meskipun pewakaf meninggal dunia. Konsep yang sama juga berlaku kepada pendidikan di mana ilmu yang dimanfaatkan oleh orang ramai akan mengalirkan pahala secara berterusan meskipun pengajarnya meninggal dunia. Konsep pendidikan itu sendiri memerlukan masa dan proses yang panjang serta usaha yang berterusan. Dalam konteks ini, wakaf dan pendidikan mempunyai hubungan yang erat dan saling melengkapi antara satu sama lain. Ini menjadikan wakaf dan pendidikan adalah suatu gagasan yang sangat serasi dan boleh digandingkan dengan mudah dengan nama wakaf pendidikan. Satu lagi sisi yang perlu diperhatikan ialah kedua-dua konsep tersebut saling berhubungan dengan baik kerana setiapnya datang dari acuan yang sama iaitu tasawwur Islam yang berpaksikan al-Quran dan sunnah. Justeru, setiap konsep tersebut mematuhi paradigma tauhid dan menuju kepada maqasid syari'yyah yang muktabar.

Hikmah Dan Tujuan Wakaf Pendidikan Tinggi

Apakah hikmah atau kebijaksanaan tertinggi wakaf pendidikan tinggi? Apakah tujuan sebenar wakaf pendidikan tinggi diaplikasikan? Wakaf pada asalnya adalah satu amalan untuk mendekatkan diri (taqarrub) kepada Allah s.w.t dan mendapatkan keredhaanNya. Amalan berwakaf jauh lebih utama dan lebih besar

pahalanya daripada amalan infaq yang lain seperti sedekah, hibah dan lain-lain kerana sifatnya yang berkekalan dan manfaatnya yang lebih besar. Tujuan wakaf berdasarkan hadis dari Ibnu Umar ra. ada dua iaitu 1) mencari keredhaan Allah SWT dan 2) untuk kepentingan masyarakat. Selain daripada mendapatkan keredhaan Allah, wakaf turut berperanan dalam pembangunan sosioekonomi ummah bagi kesejahteraan umum. Secara lebih jelas, fungsi wakaf terbahagi kepada empat iaitu :

1. Fungsi Ibadah. Wakaf adalah satu bahagian ibadah kepada Allah SWT.
2. Fungsi Akhlak. Wakaf menumbuhkan akhlak yang baik seperti pengorbanan, kasih sayang dan ithar.
3. Fungsi Ekonomi. Wakaf berfungsi sebagai suatu sistem memindahkan kekayaan secara efektif.
4. Fungsi Sosial. Wakaf membantu menyelesaikan isu kekurangan kemudahan dan prasarana masyarakat.

Menurut Muhammad Ali (2015), amalan wakaf bukan hanya untuk tujuan kebajikan masyarakat tetapi berupaya menyelesaikan masalah monopoli kekayaan pihak yang tidak bertanggungjawab. Justeru, wakaf berfungsi dalam bentuk serampang dua mata iaitu menjaga kebajikan masyarakat yang memerlukan sekaligus mempelopori proses pengislahan sosioekonomi sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun Heidemann (2009) menegaskan bahawa implikasi wakaf dari sudut spiritual lebih penting untuk diterokai berbanding fungsinya sebagai instrumen kewangan semata-mata. Wakaf bukan hanya setakat untuk menyelesaikan isu ekonomi tetapi yang paling utama ialah mendekatkan diri kepada Allah. Apa sahaja perkara yang boleh menjejaskan aspek taqarrub kepada Allah, maka ia bertentangan dengan tujuan atau roh wakaf yang asal.

Dalam konteks pengajian tinggi, tujuan tertinggi wakaf bukan hanya setakat membantu pihak kerajaan mengurangkan bebanan kewangan atau membantu pihak pengurusan universiti menguruskan perbelanjaan operasi atau menolong pelajar membiayai yuran pengajian dan aktiviti pendidikan, malahan yang lebih utama ialah menjadikan IPT mempunyai autonomi kewangan dan keintelektualan. Menurut Raja Nazrin (2013), IPT yang unggul lagi berwibawa seharusnya mempunyai dua ciri asas iaitu memiliki autonomi kewangan dan menghargai autonomi intelek. Kedua-dua ciri ini pernah diperolehi oleh IPT dalam sejarah peradaban Islam melalui kaedah wakaf. IPT yang bebas kewangan atau mandiri sepenuhnya akan lebih berupaya untuk menjayakan visi dan misi pendidikan Islam seutuhnya tanpa campurtangan daripada pihak luar.

Implikasi Wakaf Pendidikan Tinggi Kepada Sistem Pendidikan

Berdasarkan perbincangan sebelumnya, wakaf pendidikan tinggi yang bermatlamatkan keredhaan Allah memerlukan sistem pendidikan tinggi yang Islami. Sistem pendidikan tinggi Islam tidak bermaksud bidang pengajian agama atau pengkhususan Islam semata-mata bahkan mencakupi bidang-bidang lain yang tunduk kepada prinsip tauhid dan patuh nilai-nilai syariah. Berdasarkan faham ini, adalah tidak tepat jika wakaf pendidikan tinggi digunakan untuk membantu IPT yang menawarkan sistem pendidikan sekular atau disiplin pengajian yang tidak menguntungkan ummah lebih-lebih lagi jika disiplin pengajian tersebut bercanggah dengan syariat Islam. Pada masa yang sama IPT tersebut tiada pula sebarang niat dan usaha untuk memperbetulkan atau mengislahkannya agar bertepatan dengan pandangan alam Islam. Ini bermakna

wakaf pendidikan tinggi lebih sesuai atau lebih utama untuk IPT yang mempunyai falsafah yang berkesinambungan dengan agenda wakaf iaitu mendekati diri kepada Allah.

Wakaf pendidikan sangat berkait rapat dengan sistem pendidikan Islam yang mengiktiraf konsep hierarki dan klasifikasi ilmu. Konsep hierarki ilmu menuntut semua institusi pendidikan termasuklah IPT supaya mematuhi skema ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Wakaf pendidikan untuk peringkat rendah dan menengah sedikit berbeza dengan wakaf pendidikan tinggi. Wakaf pendidikan umum diperlukan untuk memenuhi konsep pendidikan wajib khususnya ilmu fardhu ain. Manakala wakaf pendidikan tinggi pula sangat berkait rapat dengan bidang pengkhususan yang bersifat fardhu kifayah yang perlu difahami dengan skema yang tepat (mencakupi semua bidang ilmu dengan had kecukupan). Pengajian di peringkat tinggi tidak wajib untuk semua individu muslim bahkan hanya untuk mereka yang layak dan memenuhi syarat. Bidang pengajian yang ditawarkan pula seharusnya memenuhi keperluan umat Islam dalam kerangka mencapai maqasid syar'iyah. Justeru, wakaf pendidikan tinggi seharusnya diaplikasikan secara lebih selektif dan strategik (IPT/bidang/program pengajian) untuk memenuhi tuntutan fardhu kifayah (manfaat yang bertepatan dengan keperluan ummah) dan bukannya tunduk kepada pihak industri atau keperluan agenda negara yang pragmatik dan terpisah dari roh dan falsafah pendidikan Islam. Memahami implikasinya yang cukup besar, tidak semua IPT layak memanfaatkan konsep wakaf pendidikan tinggi tanpa memahami roh dan intipatinya yang sebenar.

Memahami falsafah wakaf pendidikan menjadikan umat Islam lebih sensitif dan peka terhadap amalan pelaksanaan wakaf dan orientasi pemikiran semasa masyarakat. Kecenderungan pada masa kini ialah untuk mengaitkan wakaf dengan nilai Islam kontemporari yang sebahagiannya tidak ditekuni dengan cermat. Maksud nilai Islam kontemporari ialah nilai-nilai yang diamalkan oleh sebahagian umat Islam akibat daripada tindakbalas mereka terhadap tuntutan kehidupan moden dan peradaban Barat seperti usaha untuk menghubungkan Islam sebagai agama yang mementingkan aktiviti komersial dan perniagaan. Sebagai contoh, institusi waqaf diolah supaya berorientasikan perdagangan untuk memaksimumkan keuntungan dan mewujudkan peluang pekerjaan berbanding dengan konsep kebajikan ummah. Atas nama Islam, pelbagai konsep wakaf dan produk muamalat diperkenalkan meskipun tahap piawai kepatuhan syariat boleh dipertikaikan. Umat Islam juga digesa supaya produktif dan bekerja keras untuk meningkatkan kualiti kehidupan yang bersifat kebendaan. Dalam konteks wakaf pendidikan tinggi, kebanyakan IPT mengaplikasikan konsep wakaf dengan tujuan untuk mengukuhkan dana atau menjadikannya sebagai kaedah penjanaan kewangan strategik. Wakaf pendidikan juga digunakan untuk pembiayaan yuran pengajian yang berkait dengan survival IPT itu sendiri. Ini menjadikan fungsi wakaf dalam aspek ekonomi terlalu dominan sehingga menenggelamkan fungsi-fungsinya yang lain khususnya aspek kebajikan, ubudiyah, ibadah dan akhlak. Aspek ini memerlukan penelitian semula agar wakaf tidak digunakan untuk memenuhi agenda pihak tertentu.

RUMUSAN DAN PENUTUP

Perbahasan dalam penulisan ini tidak bermaksud untuk menghalang mana-mana IPT mengaplikasikan konsep wakaf pendidikan sebagaimana yang sedang dilakukan pada hari ini. Kebanyakan IPT melaksanakan sebahagian daripada konsep wakaf yang berfokuskan kepada isu pembiayaan atau sumber kewangan sahaja; bukannya wakaf sebagai satu sistem yang menyeluruh (Abdul Hamid 2016). Penulisan ini bertujuan untuk mengajak pembaca agar memahami falsafah wakaf pendidikan tinggi menerusi lensa epistemologi dan aksiologi yang bersambungan dengan tasawwur Islam itu sendiri. Secara padat, wakaf pendidikan tinggi perlu dilihat sebagai satu sistem lengkap yang memiliki pentakrifan, hikmah, tujuan, operasi dan lain-lain yang berupaya untuk mencetuskan transformasi sistem pendidikan ummah bahkan membantu pembinaan sosioekonomi umat Islam. Perbincangan ini juga berhasrat mengajak semua pihak agar mengaplikasikan konsep wakaf pendidikan tinggi secara tepat dan komprehensif meskipun pada skala yang kecil seperti wakaf pada peringkat fakulti atau program pengajian tertentu. Pelaksanaan konsep wakaf pendidikan tinggi yang tepat boleh membantu warga pendidik untuk menghampiri nilai ketaqwaan, kebajikan dan keadilan serta asbab untuk mendapatkan keberkatan. Semangat ini akan mendidik masyarakat untuk sama-sama terlibat secara aktif bagi menjayakan agenda pendidikan Islam sebagai satu sistem bahkan membudayakan amalan wakaf dalam kehidupan seharian seperti mewakafkan barangan tertentu seperti meja, buku teks atau rujukan, atau mewakafkan bahagian-bahagian tertentu dalam entiti perniagaan seperti saham, ruang pejabat atau wakaf khidmat seperti wakaf penyelidikan, wakaf harta intelek, wakaf khidmat profesional, wakaf idea dan pemikiran dan seumpamanya. Hanya kepada Allah jua tempat sebaik-baik penyerahan diri.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mar Iman and Muhammad Tahir Sabit Haji Mohammad. 2014. *Waqf Property: Concept, Management, Development, and Financing*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Abdul Hamid Mar Iman. 2016. UMK Dan Agenda Wakaf – Strategi Pelaksanaan Dan Cabaran. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Wakaf Pendidikan Tinggi*, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, 21 Ogos 2016
- Ariffin, M. 2003. *Filsafat pendidikan Islam*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Asyraf Mohd Ramli & Mustafa Omar. 2016. Cabaran pembiayaan sektor pengajian tinggi awam di Malaysia ; potensi instrumen wakaf tunai. Dlm. Mohd Solahuddin Shahrudin. (pnyt). *Sinergisme wakaf pendidikan tinggi di Malaysia*, hlm. 57-74. Shah Alam. UiTM.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1979. *Aims and objective of Islamic education*. Jeddah: King Abdul Azis University.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1999. *The concept of education in Islam*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Bakker, Anton & Zubair. 1994. *Metodologi penelitian filsafat*. Yogyakarta: Pustaka Filsafat.
- al-Faruqi, Ismail & Al-Faruqi Lois Lamy. 1988. *Kumpulan kertas kerja al-Faruqi; pemikiran Islam al-Faruqi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- al-Faruqi, Ismail Raji. 1989. *Islamization of knowledge: general principle and workplan*. Second Edition, Revised and Expanded. Abdul Hamid Abu Sulayman. Washington DC: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Heidemann, S. (2009). 'Charity and piety for the transformation of the cities: the new direction in taxation and waqf policy in mid-twelfth-century Syria and Northern Mesopotamia', in *Charity and Giving in Monotheistic Religions*. Miriam Frenkel & Yaacov Lev (ed.). Berlin: Walter de Gruyter.
- Ibn Qudamah. 1999. Al-Mughni. Edi.4. Jld. 8. Dar al-'Alam al-Kutub.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2005. Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Latiff Azha, Sayin Baharuddin, Sayurno, S.S. Salahuddin, M. Rani Afandi dan Hamid Afifah H. (2013).The practice and Management of Waqf Education in Malaysia.Procedia – Social and Behavioral Sciences.
- Mohd Afandi Mat Rani, Ahmad Zaki Abdul Latiff, Baharuddin Sayin, Azri Bhari, Baterah Alias & Hamizan Ab. Hamid. 2016.Wakaf Pendidikan Tinggi : Konsep Dan Kelestarian Di Malaysia. Dlm. Wakaf Pendidikan Tinggi: Urus Tadbir Kolej Islam Malaya. Huzaimah Ismail. Pnyt. 2016. Shah Alam : IkaZ UiTM
- Muhammad Ali Hashim. 2015. Strategi jihad bisnes. Kuala Lumpur : Telaga Biru
- Al-Nawawi (1930). Sahih muslim bi syarh al-nawawi, Jilid 11. Kaherah: Al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar.
- Noor Hisham Md Nawi & Nurul Hudani Md Nawi. 2016. Wacana Falsafah Ilmu; Dinamika dan Perspektif. Kota Bharu : Universiti Malaysia Kelantan
- Noor Hisham Md Nawi. 2011. Konsepsualisasi Kurikulum Pendidikan Islam.Tg Malim : UPSI Publication.
- Raja Nazrin Shah (2013). Titah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan di Majlis Perasmian Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah dan Istiadat Konvokesyen Kali Keenam, Kuala Kangsar Perak: KUISAS.
- Resolusi Persidangan Sedunia Pendidikan Islam Kali Kedua. 1980. Islamabad. Pakistan
- Short, E.C. 1991. Inquiry methods in curriculum studies: an overview. *Curriculum Perspective*, 11(2): 15-26.
- Suriasumantri, Jujun S. 2000. *Filsafat ilmu sebuah pengantar popular*. Edi. 13. Jakarta: Sinar Harapan.
- al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumi.1991. *Falsafah pendidikan Islam*. Terj. Hasan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.
- Al-Syarbini, Muhammad Ahmad. 1967. Mughni al-muhtaj ila ma'rifat al-ma'ani alfaz al-minhaj. Jld. 21. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- University Transformation Programme, Purple Book. 2016. Enhancing university income generation, endowment & waqf. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1998. *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib Al-Atass; an exposition of the original concept of islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.